

BAHASA MELAYU KLASIK

1. PENGENALAN

- Bahasa Melayu klasik merupakan bentuk bahasa Melayu yang telah mengalami perubahan yang lebih jelas berbanding dengan bahasa Melayu kuno.
- Bukti penggunaan bahasa Melayu klasik bukan sekadar pada batu bersurat, tetapi juga pada medium lain, seperti penulisan kesusasteraan dan kitab, yang dekat dengan masyarakat Melayu.

2. KONSEP BAHASA MELAYU KLASIK

- Bahasa Melayu klasik merujuk kepada bahasa Melayu yang digunakan pada batu-batu bersurat, surat-surat yang ditulis oleh raja-raja Melayu, dan hasil karya kesusasteraan dan keagamaan yang bertarikh pada abad ke-14 sehingga pada abad ke-20.
- Permulaan bahasa Melayu klasik ditandai oleh penemuan prasasti Kuala Berang (1303-1397 Masihi).
- Perkembangan bahasa Melayu klasik banyak berkait rapat dengan perkembangan pengaruh Arab yang mula mendominasi kebudayaan di alam Melayu.
- Bahasa Melayu klasik berkembang seiring dengan perkembangan agama Islam di rantau ini sehinggakan Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1972:42-43) menganggap bahawa pada era inilah zaman kewujudan sebenar bahasa Melayu.
- Bahasa Melayu klasik pada zaman awal kemunculannya dianggap berada pada zaman peralihan (Ismail Hussein, 1992:26-27).
- Perkembangan bahasa Melayu klasik terjadi pada zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka, Aceh, dan Johor-Riau.

3. CIRI BAHASA MELAYU KLASIK

- Bahasa Melayu klasik berbeza daripada ciri bahasa Melayu kuno kerana telah mengalami pertumbuhan dan perkembangan yang ketara.

3.1 Tulisan

- Bahasa Melayu klasik menggunakan tulisan Jawi, iaitu bentuk abjad yang diadaptasi daripada bahasa Arab.
- Penggunaan tulisan ini dianggap sebagai pemisahan daripada bahasa Melayu kuno dan merupakan suatu tamadun dalam perkembangan bahasa Melayu.
- Batu bersurat Sungai Teresat, Kuala Berang, Terengganu merupakan bukti pertama tulisan Jawi digunakan dalam bahasa Melayu (Ismail Hussein, 1992:28).
- Selain yang diambil daripada bahasa Arab, terdapat lima huruf lain yang tiada dalam tulisan dan pengucapan bahasa Arab, yang dicipta untuk mengucapkan bunyi yang ada dalam Melayu, iaitu **چ** (*ca*), **ڠ** (*nga*), **ڤ** (*pa*), **گ** (*ga*), dan **ڠ** (*nya*).

3.2 Kosa Kata

- Banyak perkataan Arab digunakan, kesan daripada pengaruh bahasa Arab. Pada batu bersurat Minye Tujoh (1380 Masihi), terdapat perkataan *hijrat, nabi, haji, imam, rahmat Allah, Ilahi, Rabbi*, dan sebagainya.
- Masih terdapat campur aduk dengan bahasa Sanskrit. Batu bersurat Minye Tujoh masih menggunakan perkataan Sanskrit, antaranya *prasida, swarga, samuha, marda, sawarsa*, dan lain-lain lagi.
- Penggunaan kata pangkal ayat atau kata perdu ayat, yang merupakan bentuk stereotaip yang terdapat dengan meluasnya dalam manuskrip Melayu klasik, seperti *Alkisah, Hatta, Arakian, Tatkala, Maka, Sebermula, Sekali peristiwa*, dan sebagainya.
- Penggunaan kata bahasa istana, iaitu penggunaan kata yang khusus untuk kerabat diraja, seperti dalam manuskrip Melayu klasik yang lazimnya bertemakan kehidupan di istana.

• beradu	=	tidur
• bersiram	=	mandi
• gering	=	sakit
• putera	=	anak (lelaki)
• santap	=	makan

3.3 Tatabahasa

(a) Imbuhan

- Penggunaan awalan *ber-* menggantikan *mar-*, seperti *berlepas* menggantikan *marlepas*.
- Penggunaan awalan pasif *diper-* menggantikan *nipar-*, seperti *diperbuat* menggantikan *niparbuat*.

(b) Binaan ayat

- Pengaruh struktur ayat Arab sangat ketara, iaitu penggunaan ayat majmuk. Ayatnya menggabungkan beberapa ayat tunggal menggunakan kata hubung *dan*, atau penggunaan tanda koma atau koma bernoktah.

- Maka segala anak menteri China itu disuruh diam di bukit, di luar kota; maka disebut orang bukit itu 'Bukit China' datang sekarang, **dan** cucu orang itulah yang dinamai biduanda China.
- Adapun ini suatu riwayat diceriterakan oleh yang empunya ceritera; ada sebuah negeri, Indera Pura namanya; air sungainya tohor, lagi dengan rantau pasir sepanjangnya, dalam sungai itu terlalu banyak pulau, dalamnya airnya tawar sampai ke kuala.

- Kerap menggunakan ayat pasif, iaitu ayat yang mengutamakan objek asal.

- Maka Maharaja Dewa Sura pun **dibawa oranglah** pada Seri Bija Diraja, maka **lalu dibawanya** hilir, **dipersembahkannya** kepada Bendahara Paduka Raja.
- Adapun akan Maharaja Dewa Sura itu diserahkan oleh Sultan Mansur Syah kepada Bendahara Paduka Raja juga.

- Menggunakan ayat songsang, iaitu dengan mengedepankan bahagian predikat ayat.

- **Setelah datang ke bawah tangga istana itu**, maka Hang Tuah pun menyeru Hang Jebat, disuruhnya turun.
- **Hatta tidak berapa lamanya**, maka dengan takdir Allah Taala mahligai itu pun terbakarlah.

4. BAHAN BUKTI BAHASA MELAYU KLASIK

- Penggunaan bahasa Melayu klasik dapat dilihat pada beberapa sumber utama.

4.1 Batu Bersurat

- Selain dituturkan dalam urusan perdagangan dan penyebaran agama Islam, bahasa Melayu pada zaman ini dapat dibuktikan penggunaannya berdasarkan batu bersurat.
 - Kebanyakan batu bersurat bahasa Melayu klasik dijumpai pada abad ketiga belas hingga abad kelima belas.
- (a) **Batu bersurat Sungai Teresat, Kuala Berang (1303-1397 Masihi)**
- Batu ini dijumpai selepas banjir besar di tebing Sungai Teresat (1899 Masihi) dan diletakkan di kawasan Masjid Sungai Buluh, Kuala Berang.
 - Syed Hussain bin Ghulam Al-Bukhari, pencari emas dan bijih dari Riau-Lingga mengesan tulisan pada batu ini dan menghadiahkannya kepada Sultan Zainal Abidin III (1902 Masihi).
 - Batu ini berbentuk segi empat, lebih kurang 215 kilogram berat, 84 cm tinggi, 53 cm lebar permukaan atas, 27 cm bahagian bawah, dan 24 cm tebal.
 - Tarikh yang tercatat ialah Jumaat 4 Rajab, bersamaan dengan 22 Februari 1303 (Mohamed Roslan Abdul Malek, 1998:29-30).
 - Tulisannya menggunakan huruf Jawi tua yang dipanggil kufi, yang biasa digunakan untuk menulis al-Quran lama.
 - Kandungannya tentang sepuluh undang-undang Islam dan dendanya, yang ditulis dalam sembilan bahagian.
 - Kata-kata pendahulunya mengandungi perintah atau perisytiharan supaya raja-raja dan orang-orang besar yakin dan berpegang teguh kepada ajaran Islam dan Rasulullah.
 - Daripada batu bersurat ini ditemukan kepentingannya iaitu tulisan Jawi dan bahasa Melayu mula digunakan dalam pentadbiran termasuk perakaman undang-undang Islam.
- (b) **Batu bersurat Pagar Ruyung, Minangkabau (1356 Masihi)**
- Prasasti ini bertulis dengan huruf India.
 - Terdapat sedikit prosa Melayu dalam beberapa buah sajak Sanskrit.
 - Kandungannya tentang perintah raja yang menunjukkan bahasa Melayu menjadi kegunaan rasmi (Ismail Hussein, 1992:27).

4.2 Batu Nisan

- (a) **Batu nisan Malik al-Saleh, Pasai (1297 Masihi)**
- Batu nisan ini menandakan makam Sultan Pasai dan Semudra, Sultan Malikul Salleh yang mangkat pada tahun 1297 Masihi.
 - Penulisannya menggunakan bahasa Arab sepenuhnya.
- (b) **Batu nisan Minye Tujoh, Aceh (1380 Masihi)**
- Batu nisan ini bertulis dengan huruf India atau Sanskrit.
 - Batu ini menggunakan banyak perkataan Arab.
 - Kandungannya terdiri daripada warta dan doa yang dikarang dalam bentuk sajak Sanskrit, yang menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah berfungsi sebagai bahasa sastera (puisi) yang halus dan baik pada zaman itu (Ismail Hussein, 1992:27).

4.3 Hukum Kanun

- Hukum kanun merupakan sastera undang-undang yang berasal daripada sastera lisan yang kemudiannya disusun dan dibukukan.
- Selain berpusatkan undang-undang Melayu tradisional, hukum kanun turut menggambarkan hal susun lapis, peraturan hidup dan kaedah bermasyarakat dalam masyarakat Melayu lama.
- *Hukum Kanun Melaka* dipercayai merupakan hukum kanun yang paling awal, dan dijadikan panduan dalam penyusunan undang-undang Melayu lain.
- Hukum kanun lain yang terkenal antaranya ialah *Hukum Kanun Pahang*, *Undang-Undang Laut Melaka*, *Undang-Undang 99 Perak*, *Undang-Undang Kedah*, dan *Undang-Undang Johor*.
- Hukum-hukum kanun tersebut mempunyai pengaruh Islam dan sudah tentu menggunakan banyak perkataan daripada bahasa Arab.

(a) *Hukum Kanun Melaka*

- *Hukum Kanun Melaka* yang dikenali juga sebagai *Undang-Undang Melaka* diperkenalkan pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Syah, tetapi dikemaskinikan oleh Hang Saidi Ahmad dengan perintah daripada Sultan Mahmud Syah.
- Hukum kanun ini memuatkan undang-undang laut dan undang-undang darat bagi kerajaan Melayu Melaka yang berkuat kuasa semasa Melaka berada pada zaman kegemilangannya dan sebelum ditawan oleh Portugis.
- Penulisan hukum kanun ini dibuat dalam bentuk kesusasteraan tradisional dengan menggunakan unsur perumpamaan dan contoh teladan yang berunsurkan sastera.
- Terdapat fasal yang melarang rakyat jelata daripada menggunakan bahasa diraja.

(b) *Hukum Kanun Pahang*

- Hukum Kanun Pahang ditulis pada tahun 1592, semasa Pahang di bawah pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Mohaidin Shah.
- Hukum kanun ini mempunyai pengaruh *Hukum Kanun Melaka* dan mengemukakan unsur perundangan Islam.

4.4 Surat Rasmi

- Surat-surat rasmi yang awal ditulis oleh raja-raja Melayu di Nusantara dalam bahasa Melayu dan bertulisan Jawi.
- Penulisan surat dilakukan untuk urusan rasmi seperti hal perdagangan, politik dan pentadbiran negeri.
- Penulisan surat-surat kepada ketua negara asing, khususnya di Eropah, menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah digunakan di peringkat antarabangsa untuk urusan rasmi dan diplomatik.

(a) **Surat Sultan Ternate, Maluku (1521 dan 1522 Masihi)**

- Dua pucuk surat, pada dua tahun berturut-turut, ditulis oleh pemerintah Ternate di Maluku, Sultan Abu Hayat kepada raja Portugal, Raja John III, untuk mendapatkan perhatian raja Portugal itu tentang kegiatan perdagangan Sepanyol di kawasan Maluku.
- Surat ini dianggap amat bermutu kerana menggunakan bahasa yang amat halus, bersopan santun dan tersusun sekali.
- Tulisan Jawi yang digunakan dipercayai daripada jenis yang paling tua.

(b) Surat Sultan Aceh (1602 Masihi)

- Surat ditulis oleh Sultan Aceh, Sultan Alauddin Shah yang ditujukan kepada Kapten Harry Middleton, yang tiba di pelabuhan Aceh untuk membeli rempah.
- Bahasa Melayu yang digunakan dalam surat itu hampir sama dengan bahasa Melayu sekarang, kecuali penggunaan kata lama seperti *sarwa* (*segala, sekalian, atau seluruh*), *memeli* (*membeli*), *pertuha* (*pertua atau ketua*), *simi* (surat kebenaran untuk berniaga), dan beberapa lagi.

(c) Surat-surat lain

Antara surat lain yang ditulis kepada pembesar asing ialah,

- Surat Sultan Aceh kepada Kapitan Inggeris, James Lancaester (1601 Masihi)
- Surat Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Aceh kepada Raja Inggeris, King James I (1612)
- Surat Raja Jambi kepada Gabenor Jeneral Maetsueyker (1669 Masihi)
- Surat Kapitan Laut Buton (Sulawesi Selatan) kepada Gabenor Jeneral Belanda di Betawi (1670 Masihi)

4.5 Naskhah Sastera Klasik

- Lazimnya naskhah sastera klasik berkisah tentang kehidupan di istana.
- Naskhahnya menggunakan huruf Jawi bertulisan tangan.
- Pada zaman moden naskhah-naskhah ini telah dicetak dengan tulisan Rumi.

(a) Sejarah Melayu

- Judul asal *Sejarah Melayu* ialah *Sulalatus Salatin* yang bermaksud “Pertuturan Segala Raja-Raja” (A. Samad Ahmad, 1996:xi, xxix).
- Terdapat beberapa naskhah *Sejarah Melayu*, antaranya versi Abdullah Munshi (1831 Masihi), W.G. Shellabear (1896 Masihi), dan Windstedt.
- Daripada naskhah asalnya yang dipercayai berjudul “Hikayat Melayu”, *Sulalatus Salatin* disusun semula oleh Tun Seri Lanang, nama timang-timangan bagi Bendahara Paduka Raja Tun Muhammad dengan perintah Yang Dipertuan di Hilir, Sultan Abdullah Ma’ayat Syah pada tahun 1612 Masihi (A. Samad Ahmad, 1996:xxvii).
- Naskhah ini merupakan sastera sejarah yang disampaikan dalam bentuk bahasa Melayu klasik dengan menggunakan tulisan Jawi.
- Kandungannya mengenai adat istiadat kerajaan, susunan raja-raja Melayu, dan kisah kegemilangan kerajaan Melayu Melaka dan selepasnya.

(b) Misa Melayu

- Naskhah *Misa Melayu* adalah tentang sejarah raja-raja Melayu yang memerintah negeri Perak.
- Naskhah ini ditulis oleh Raja Chulan ibni Raja Hamid semasa Perak diperintah oleh Sultan Iskandar Zulkarnain (1752 – 1765 Masihi) dan dipercayai siap pada tahun 1784 Masihi semasa pemerintahan Sultan Alauddin Mansur Syah (1773 – 1786 Masihi).
- Karya yang menggunakan tulisan Jawi ini ditulis dalam bentuk puisi dan prosa.
- Edisi Rumi naskhah ini mula diusahakan oleh R.O. Winstedt dan diterbitkan oleh Methodist Publishing House, Singapura pada tahun 1919 Masihi (Jelani Harun, 2013).

(c) Hikayat Hang Tuah

- *Hikayat Hang Tuah* sebuah epik Melayu, yang menceritakan hal kepahlawanan Hang Tuah dan kebesaran kerajaan Melayu pada zaman kesultanan Melayu Melaka.
- Oleh itu, naskhah ini bukan cerita sejarah seperti *Sejarah Melayu*, walaupun terdapat persamaan kisah beberapa peristiwa dalam kedua-dua naskhah.

- Menurut Kassim Ahmad (1993:xii-xiii), hikayat ini kemungkinan ditulis pada sekitar tahun 1641 Masihi, tetapi berdasarkan unsur gaya bahasa dan teknik, dipercayainya bahawa tidak semua bahagian dalam cerita itu ditulis pada waktu itu.
- Terdapat penggunaan perkataan daripada bahasa Portugis, antaranya ialah *lancang*, *armada*, *kapitan*, dan *beledu*.

5. FUNGSI BAHASA MELAYU KLASIK

- Bahasa Melayu klasik berkembang pesat sebelum kedatangan penjajah Barat.
- Kebanyakan cirinya diwarisi oleh bahasa Melayu moden.

5.1 *Lingua Franca*

- Bahasa Melayu klasik muncul sebagai *lingua franca* kerana digunakan untuk komunikasi di Nusantara antara penduduk tempatan dengan orang asing, terutamanya pedagang dari barat dan timur.
- Bahasa Melayu senang difahami dan dituturkan oleh orang asing kerana sistemnya sesuai untuk semua lapisan masyarakat dan bersifat sederhana.
- Pedagang asing perlu mengetahui bahasa Melayu untuk memudahkan urusan perniagaan dengan penduduk di Nusantara yang kebanyakannya tidak arif berbahasa lain dan bahan keluaran di Asia Tenggara menggunakan bahasa Melayu.
- Terdapat orang Eropah yang menyediakan daftar kata bahasa Melayu untuk memudahkan hubungan perdagangan antara pedagang Eropah dengan pengusaha tempatan.
- Froncois Valentijn (ahli sejarah berbangsa Belanda) menyatakan bahawa bahasa Melayu telah tersebar dan difahami oleh banyak orang di Asia dan Eropah (Nik Safiah Karim *et al*, 2008:15).

5.2 Bahasa Pentadbiran

- Bahasa Melayu klasik telah mencapai tahap tinggi apabila digunakan dalam bidang pentadbiran.
- Penggunaan bahasa Melayu pada batu bersurat pada abad ke-14 dan selepasnya dipercayai dengan arahan daripada pemerintah.
- Penulisan surat dalam bahasa Melayu daripada raja-raja di kepulauan Melayu kepada pemerintah dan pegawai dari Eropah menunjukkan bahawa bahasa Melayu bertaraf elit.

5.3 Bahasa Ilmu

- Bahasa Melayu klasik menjadi saluran mengembangkan ilmu keagamaan dan kebahasaan di Asia Tenggara.
- Kemuncak perkembangan bahasa Melayu dalam bidang ilmu terjadi di Pulau Penyengat pada abad ke-19 hingga awal abad ke-20, antaranya melalui sumbangan oleh Raja Ali Haji, Sayyed Aluwi Ba'aluwi dan lain-lain (Nik Safiah Karim *et al*, 2008:18).
- Beberapa buah kitab agama, antaranya *Hidayat al-Salikin*, *Syair Rakis*, *Sabil al-Muhtadin*, *Kitab al-Hakim* (1836 Masihi), dan *Sabil al-Hidayat* (1899 Masihi).
- Kitab mengenai bahasa yang muncul antaranya *Kitab Pengetahuan Bahasa* (1859 Masihi) oleh Raja Ali Haji.

5.4 Bahasa Undang-undang

- Undang-undang yang berkuat kuasa semasa pemerintahan kesultanan Melayu di Nusantara disusun dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi, seperti *Hukum Kanun Melaka* dan *Hukum Kanun Pahang*, *Undang-Undang 99 Perak*, *Undang-Undang Kedah*, dan *Undang-Undang Johor*.

5.5 Bahasa Persuratan

- Bahasa Melayu klasik menjadi medium penulisan sastera sejarah semenjak zaman kesultanan Melayu Melaka dan Johor-Riau antaranya *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah*, dan *Misa Melayu*.
- Kesusasteraan tumbuh subur pada zaman Aceh dengan munculnya penulisan syair dan prosa daripada Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Fatani, Syeikh Nuruddin al-Raniri dan lain-lain, seperti *Aqaid Al-Nasafi*, *Syair Pungguk*, *Syair Perahu*, *Syair Dagang*, dan sebagainya.
- Karya Raja Ali Haji, *Bustan al-Katibin* (1857 Masihi) dan *Tuhfat al-Nafis* (1865 Masihi) adalah antara hasil penulisan yang terkenal dan memberikan sumbangan besar dalam perkembangan bahasa Melayu.